

'Usah ulang syor pindah kampus UM'

BN UM - 18/6/2007

KUALA LUMPUR: Keputusan mengekalkan kampus induk Universiti Malaya (UM) di Lembah Pantai membuktikan ketegasan kerajaan tidak mengorbankan warisan ilmu negara hanya untuk kepentingan komersial.

Pelbagai pihak yang dihubungi melahirkan rasa lega dengan keputusan kerajaan dan meminta syarikat swasta tidak lagi cuba membangkitkan cadangan untuk memindahkan UM untuk kepentingan perniagaan semata-mata.

Presiden Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) yang juga Ahli Lembaga Pengarah UM, Datuk Noordin Abd Razak, berkata keputusan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap UM yang banyak berjasa kepada negara dalam melahirkan ramai profesional dan pemimpin.

"Alumni UM berterima kasih kepada kerajaan kerana ketegasannya dan berharap tiada lagi cadangan mana-mana pihak untuk memindahkan kampus UM.

"Ia wajar dikekalkan di tempat sekarang kerana kampus UM di kawasan seluas 368 hektar itu bukan saja mempunyai nilai sejarah, malah menjadi mercu tanda universiti awam di ibu negara," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri yang juga Penaung PAUM, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak menegaskan kampus induk UM akan kekal di tapak asal untuk selama-lamanya.

Ahli Lembaga Pengarah UM, Dr Rozaidah Talib, yang juga Ahli Parlimen Ampang dan bekas pelajar serta pensyarah UM, juga bersyukur dengan keputusan itu.

"UM menyimpan banyak nostalgia dan sebahagian warisan negara. Ia tidak boleh ditukar beli dengan pembangunan komersial," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.